

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE
(GOPENG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.10.2016

Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kesalahan 1MDB yang menyebabkan 1MDB diambil tindakan oleh Bank Negara Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mendapati bahawa terdapat kesalahan ketidakpatuhan secara penuh (*failure to fully comply*) Syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) terhadap beberapa arahan yang telah dikeluarkan oleh BNM di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. BNM telah

mengeluarkan kenyataan media bertarikh 28 April 2016 mengenai perkara ini.

Sehubungan itu, 1MDB telah dikenakan kompaun di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 yang telahpun dibayar sepenuhnya oleh 1MDB, menurut jangkamasa yang ditetapkan BNM.